

**PENTERJEMAHAN PERKATAAN TAKSA
DALAM LIRIK LAGU ARAB ‘KALIMAT’ OLEH MAJIDA EL
ROUMI BERDASARKAN PRINSIP TERJEMAHAN ALEXANDER
FRASER TYTLER**

Roslan Ali

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak Darul Hana.
aroslan@unimas.my*

Nur Afifah Atirah Saperi

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak Darul Hana.
nurafifahatirah@gmail.com*

Mohamad Fairuz Ali

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak Darul Hana.
amfairuz@unimas.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pengaplikasian Prinsip Terjemahan Alexander Fraser Tytler (1790) dalam penterjemahan perkataan taksa daripada bahasa Arab (bahasa sumber) ke dalam bahasa Melayu (bahasa sasaran) yang pastinya jauh berbeza kerana berasal daripada rumpun bahasa yang berbeza sama sekali, baik dari segi tatabahasa, gaya bahasa, unsur budaya dan sebagainya. Kajian ini bersifat kualitatif deskriptif dan analisis dokumen dijadikan sebagai instrumen kajian untuk meneliti perkataan taksa yang terkandung dalam karya kesusasteraan, iaitu lirik lagu ‘Kalimat’ nyanyian biduanita Majida El Roumi. Memandangkan teks ini berkaitan dengan teks sastera maka penterjemahan menuntut ketelitian dan ketepatan yang tinggi supaya mesej yang mempunyai ketersiratan makna akan dapat diterjemahkan dengan tepat atau sedekat mungkin dengan teks sumber. Tuntasnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penerapan Prinsip Terjemahan Alexander Fraser Tytler dapat menyelesaikan masalah ketaksaan perkataan walaupun dalam teks sastera daripada rumpun bahasa yang berlainan.

Kata Kunci: penterjemahan, perbandingan, perkataan taksa, prinsip terjemahan

PENGENALAN

Puisi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) dimaknakan sebagai karangan yang berbentuk sajak, syair, pantun dan lain-lain. Definisi ini dilihat lebih tertumpu pada jenis dan bukannya hakikat puisi itu sendiri. Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Keempat (2008), puisi

ditakrifkan sebagai ragam sastra yang bahasanya terikat oleh irama, mantera, rima serta penyusunan larik dan bait. Definisi ini lebih jelas daripada sebelumnya. Tuntasnya, puisi boleh difahami sebagai karya sastra yang menampilkan seni pemakaian bahasa yang indah dan menarik (retorik) serta mempunyai nilai estetika yang tinggi untuk memujuk dan mempengaruhi pemikiran pendengar. Tambahan daripada itu, puisi juga merupakan bahasa yang diungkapkan secara implisit dan bermakna konotatif (Suryawinata, et al. 2003).

Lirik lagu “Kalimat” nyanyian biduanita Majida El Roumi ini pada asalnya merupakan sebuah puisi yang dikaryakan oleh Nizar Qabbani, seorang diplomat, penyair, penulis dan juga penerbit. Beliau dilahirkan di Damsyik, Syria pada tanggal 21 Mac 1923 dan meninggal dunia pada 30 April 1998 di London. Nama pena beliau ialah Penyair cinta (Poet of love) atau Penyair wanita (Woman’s poet). Beliau banyak menulis puisi tentang wanita dan cinta, antaranya lagu “Kalimat” yang liriknya sangat puitis dan malar segar sehingga kini. Memandangkan bahan yang dijadikan kajian dalam penulisan ini melibatkan teks atau karya sastra, iaitu lirik lagu “Kalimat”, sudah pasti ada banyak masalah yang akan ditempuh oleh seseorang penterjemah sama ada hendak mengekalkan persamaan bentuk antara teks sumber dengan teks sasaran atau mengutamakan makna atau isi dalam teks sumber. Jika makna atau isi yang hendak dipertahankan, maka bentuknya akan rosak, ataupun jika bentuk yang hendak diutamakan, maka sebahagian isinya akan hilang. Itulah dilema yang dihadapi oleh penterjemah teks sastra. Perkataan-perkataan taksa dalam teks sastra bukan mudah untuk diterjemahkan jika penterjemah tidak memiliki kemahiran yang tinggi dan pengalaman yang luas. Setiap perkataan, frasa atau ayat taksa yang hendak diterjemahkan hendaklah diteliti terlebih dahulu dari segi konteksnya supaya terjemahan yang bermutu dapat dihasilkan.

Taksa dimengertikan sebagai sesuatu yang mempunyai makna kabur, iaitu sesuatu yang menyangsikan atau meragukan. Ketaksaan pula ialah kekaburan, kesangsian, keraguan atau ketidakpastian tentang sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat (2015)). Ketaksaan timbul apabila wujudnya kekeliruan untuk menentukan makna perkataan dalam sistem pemprosesan bahasa tabii. Ketaktentuan ini terjadi apabila sesuatu perkataan itu mempunyai lebih daripada satu makna seperti unsur homonim dan polisem dalam bidang semantik leksikal. Oleh itu, tugas penterjemah adalah untuk menjelaskan kekaburan atau ketaksaan yang terdapat dalam teks asal melalui teks terjemahan yang dilakukannya supaya pembaca sasaran dapat memahami pesan atau maklumat teks sumber dengan mudah. Kelemahan dalam penterjemahan karya sastra ini ada kaitannya juga dengan kemahiran dan pengalaman penterjemah sehingga teks terjemahan yang dilakukan sukar difahami kerana kurang mengandungi unsur kebolehbacaan serta kegagalan penterjemah untuk menyampaikan makna dalam teks sumber dengan baik.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui dan menganalisis perkataan taksa dalam lirik lagu Arab ‘Kalimat’ nyanyian Biduanita Majida El Roumi. Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti perkataan taksa dalam lirik lagu Arab ‘Kalimat’.

2. Menyelesaikan masalah ketaksaan dalam teks sumber menggunakan Prinsip Terjemahan Alexander Fraser Tytler.
3. Menghasilkan terjemahan lengkap lirik lagu “Kalimat” dalam bahasa Melayu untuk tatapan pembaca sasaran.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif, iaitu menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data yang mengandungi ketaksaan, sama ada dalam bentuk perkataan, frasa, ayat mahupun bahasa kiasan. Data ini diambil daripada lirik lagu Arab ‘Kalimat’ nyanyian Biduanita Majida El Roumi dan dianalisis dengan menggunakan Prinsip Terjemahan Alexander Fraser Tytler (1790). Terdapat Tiga prinsip yang telah digariskan, iaitu:

- Sesuatu terjemahan itu hendaklah mengekalkan semua makna yang terkandung dalam teks sumber.
- Stail atau gaya karangan terjemahan mestilah sama sifatnya dengan stail dan gaya teks sumber.
- Kesan terjemahan tersebut mestilah dapat dirasakan seperti karangan tulen.

Berdasarkan ketiga-tiga prinsip yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa prinsip terjemahan Alexander Fraser Tytler (1790) berada dalam kategori penterjemahan cara lama yang masih lagi mementingkan persamaan bentuk, iaitu persamaan antara teks sumber dengan teks sasaran dari segi bentuk kata, golongan kata dan juga strukturnya. Namun, bagi memastikan Prinsip Terjemahan beliau mampu berdaya saing, dapat kekal lama dan juga relevan sepanjang zaman, Tytler membenarkan beberapa teknik baharu dan moden seperti teknik adaptasi, transposisi dan modulasi digunakan dalam aktiviti penterjemahan sebagaimana yang berikut:

- Seseorang penterjemah boleh membuat penambahan sekiranya hal itu mempunyai hubungan yang penting dengan makna asal atau dapat menjelaskan lagi hal yang dibicarakan.
- Pengurangan jumlah perkataan juga boleh dilakukan asalkan tidak menjejaskan makna asal malah membuat makna asal itu lebih jelas lagi.
- Penterjemah boleh membuat keputusan sendiri dan memilih makna yang paling cocok dengan konteks terdekat.

Teknik Adaptasi

Teknik ini bermaksud penterjemah boleh menggantikan atau menyesuaikan frasa atau klausa daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran jika terdapat unsur budaya supaya pembaca bahasa sasaran dapat memahami warta/pesan/maklumat yang ingin disampaikan dengan baik. Teknik ini boleh dikatakan sebagai teknik terjemahan yang paling bebas dan meluas digunakan terutamanya dalam penterjemahan puisi.

Teknik Transposisi

Teknik ini bermaksud penterjemah boleh mengubah golongan kata atau menukar kedudukan frasa atau klausa dalam bahasa sasaran tanpa mengubah warta atau maklumat teks asal. Tujuannya supaya warta dapat disampaikan kepada khalayak bahasa sasaran dengan cara yang paling bersahaja dan tidak berbau terjemahan.

Teknik Modulasi

Teknik ini merupakan alternatif terakhir yang boleh digunakan oleh penterjemah apabila terjemahan yang dihasilkan tidak menepati hukum tatabahasa, kedengaran janggal (tidak logik) dan menyimpang maknanya. Dalam keadaan ini, penterjemah terpaksa mengubah keseluruhan frasa dan klausa bagi mendapat kefahaman yang lebih jelas dalam bahasa sasaran. Melalui teknik ini akan wujud perubahan dari segi semantik pada peringkat leksikal tetapi warta atau isi maklumatnya tetap tidak berubah.

Teks Kajian

Teks kajian ini diambil daripada lirik lagu Arab “Kalimat” nyanyian Biduanita terkenal Majida El Roumi yang berasal dari Lubnan. Setiap data yang mengandungi unsur ketaksaan digariskan sebelum dianalisis menggunakan Prinsip-prinsip Terjemahan Tytler.

1	<p>يُسْمِعُنِي .. حِينَ يُرَاقِصُنِي كَلِمَاتٍ لَيْسَتْ كَالْكَلِمَاتِ يَأْخُذُنِي مِنْ تَحْتِ ذِرَاعِي يُزْرِعُنِي فِي إِحْدَى الْعَيْمَاتِ وَالْمَطَرُ الْأَسْوَدُ فِي عَيْنِي يَتَسَاقَطُ رَحَاتٍ .. رَحَاتٍ</p>	4	<p>يُخْبِرُنِي أَلِيَّ حُفْنُهُ وَأَسَاوِي آلَافَ النَّجْمَاتِ وَبِأَيِّ كَنْزٍ ... وَبِأَيِّ أَجْمَلٍ مَا شَاهَدَ مِنْ لَوْحَاتِ</p>
2	<p>يَحْمِلُنِي مَعَهُ يَحْمِلُنِي لِمَسَاءٍ وَرَدِي الشُّرُفَاتِ وَأَنَا كَالطِّفْلَةِ فِي يَدِهِ كَالرَيْشَةِ تَحْمِلُهَا النَّسَمَاتِ</p>	5	<p>يَرَوِي أَشْيَاءَ تُدَوِّخُنِي تُنْسِينِي الْمَرْقَصَ وَالْحَطَّوَاتِ كَلِمَاتٍ تَقْلِبُ تَارِيخِي تَجْعَلُنِي امْرَأَةً فِي لِحْطَاتِ</p>
3	<p>يَحْمِلُ لِي سَبْعَةَ أَقْمَارِ بِيَدِيهِ وَحُرْمَةَ أَغْنِيَاتِ يُهْدِينِي سَمْسًا .. يُهْدِينِي صَيْفًا .. وَقَطِيعَ سُؤْتَوَاتِ</p>	6	<p>يُبْنِي لِي قَصْرًا مِنْ وَهْمِ لَا أَسْكُنُ فِيهِ سِوَى لِحْطَاتِ وَأَعُوذُ .. أَعُوذُ لِطَاوَلْتِي لَا شَيْءَ مَعِي .. إِلَّا كَلِمَاتِ</p>

ANALISIS DATA DAN PERBAHASAN

Data 1: Yusmauni (يسمعي)

Dalam Rangkap 1, Baris 1 ini pengkaji telah menterjemahkan frasa "يُسمعي" kepada "Dia membisikkan sesuatu" yang dilihat lebih sesuai dan tepat dalam bahasa sasaran jika dibandingkan dengan makna asal/leksikal perkataan tersebut yang bermaksud "Diperdengarkan kepadaku ucapan". Frasa يُسمعي berasal daripada kata dasar سمع dan diberi maknanya dalam Kamus Bahasa Arab-Bahasa Melayu (2005) sebagai *dengar*. Huruf ياء pangkal kata dan huruf نون dan ياء akhir kata berserta dengan harakat membawa fungsi masing-masing dalam tatabahasa Arab. Jika frasa يُسمعي ini diterjemahkan sebagai "Dia memperdengarkan daku (sesuatu)" dalam bahasa sasaran dilihat kurang tepat kerana menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), memperdengarkan bermaksud melakukan sesuatu (seperti memainkan alat muzik, menyanyikan lagu dan sebagainya supaya didengar oleh orang lain). Oleh hal yang demikian, bagi mengelakkan pertentangan makna yang boleh menimbulkan salah faham daripada khalayak pembaca, pengkaji memutuskan untuk menterjemahkan frasa tersebut sebagai "Dia membisikkan sesuatu" yang dilihat lebih sejadi kerana perkataan "membisikkan" seolah-olah memperlihatkan bahawa si jejaka telah mengambil kesempatan dalam majlis tari-menari yang diadakan untuk membisikkan beberapa patah perkataan kepada si gadis, mungkin I LOVE YOU sebagai luahan hati dan perasaannya yang telah tersimpan lama. Jika frasa tersebut diterjemahkan kepada "Diperdengarkan kepadaku ucapan" seolah-olah ucapan atau luahan tersebut bernada keras atau kuat, boleh didengar oleh orang ramai dan tidak bersifat khusus atau istimewa, sedangkan jarak antara mereka berdua (teruna dan dara) adalah sangat rapat, iaitu ketika sedang dalam acara tari-menari sebagaimana sambungan dalam Baris 1 tersebut, iaitu ketika kami menari bersama. Terjemahan lengkap bagi Rangkap 1, Baris 1 ini ialah

يُسْمِعُنِي حِينَ يُرَاقِصُنِي

Dia membisikkan sesuatu ketika dia menari bersamaku

Jelasnya, menggantikan frasa "Diperdengarkan kepadaku ucapan" dengan "Dia membisikkan daku sesuatu" tidak mengubah makna yang terkandung dalam teks sumber. Dengan erti kata lain, makna teks sumber masih dapat dipertahankan dan ini selari dengan Prinsip 1, iaitu mengekalkan semua makna yang terkandung dalam teks sumber. Pengkaji juga menggunakan teknik Transposisi, iaitu menukar bentuk kata kerja daripada ragam ayat pasif kepada ragam ayat aktif supaya menepati ciri-ciri penulisan Bahasa Melayu Moden kerana ayat pasif menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2011) banyak digunakan dalam penulisan teks Melayu klasik selain ayat yang digunakan panjang-panjang dan berbelit-belit, banyak menggunakan gaya bahasa istana, kosa kata klasik yang tidak produktif lagi seperti ratna, mutu manikam, kesmaran, masyghul dan sebagainya. Selain itu, Prinsip 2 turut dapat dipertahankan iaitu mengekalkan stail atau gaya teks asal. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji tidak menterjemahkan frasa حِينَ يُرَاقِصُنِي kepada "Ketika **kami menari bersama**", iaitu menggunakan Kata Ganti Nama Diri Pertama (KGND1) bentuk jamak, iaitu kami yang dilihat lebih

mudah dalam bahasa sasaran, sebaliknya tetap mengekalkan terjemahannya mengikut stail atau gaya teks sumber, iaitu “Ketika **dia menari bersamaku**”. Keadaan ini memberikan rasa yang sama kepada pembaca teks sasaran dan perkara ini juga selari dengan Prinsip 3 sebagaimana yang ditegaskan oleh Tytler, iaitu kesan terjemahan mestilah dapat dirasakan seperti karangan tulen.

Data 2: Ya’khuzuni min Tahti Ziraa’ie (يأخذني من تحت ذراعي)

Dalam Rangkap 1, Baris 3, pengkaji menemui frasa idiomatik , iaitu *من يأخذني* yang jika dirujuk dalam Kamus Bahasa Arab-Bahasa Melayu (2005) bermaksud “mengambil, mencapai”. Namun dalam terjemahan lirik lagu tersebut, penterjemah memutuskan untuk menggunakan perkataan “menarik tanganku” daripada *mengambil atau mencapai tanganku*. Terjemahan ini bersesuaian dengan penceritaan dalam lirik lagu tersebut, iaitu si jejaka menarik tangan si gadis ketika majlis tari-menari atau berdansa sedang berlangsung sambil mengucapkan Tiga Kata Keramat (I Love You) di telinganya. Kemudian dia mengangkat tubuh gadis itu ke atas mengikut rentak muzik dan langkah tarian yang dimainkan. Frasa kedua pada Baris 3 ini, iaitu *تحت ذراعي* jika diterjemahkan mengikut makna denotatif bermaksud “bawah lenganku”. Gabungan daripada kedua-dua frasa tersebut menerbitkan makna “Dia mengambilkau dari bawah lenganku”. Terjemahan yang terhasil ini menimbulkan ketaksaan bagi pembaca sasaran apabila cuba memahami penceritaan dalam lirik lagi ini. Maka, untuk menghilangkan unsur ketaksaan tersebut pengkaji telah menggunakan teknik adaptasi atau penyesuaian sehingga terhasillah terjemahan yang lebih sejadi, mesra dan tidak berbau terjemahan sangat berbanding dengan terjemahan mengikut makna denotasi “Dia mengambilkau dari bawah lenganku” yang kurang jelas dan berbelit-belit. Terjemahan lengkap bagi Rangkap 1, Baris 3 ini ialah

يَأْخُذُنِي مِنْ تَحْتِ ذِرَاعِي

Dia menarikku dalam dakapannya

Data 3: Yazra’ni (يزرعني)

Dalam Rangkap 1, Baris 4 lagu ini, pengkaji menemui frasa yang mengandungi bahasa kiasan, iaitu *يوزرعني* yang berkonotasi daripada kata dasar *زرع* yang bererti menanam dalam Kamus Arab-Bahasa Melayu (2005). Kamus al-Mawrid Arabic-Inggeris (1988) mendefinisikannya sebagai *to sow, to plant, raise, grow, crop, to cultivate*. Jadi, klausa atau ayat penuh Baris 4 ini jika diterjemahkan mengikut makna denotasinya bermaksud “Dia menanamku pada salah satu awan”. Terjemahan Baris ini jika digabungkan dengan baris-baris sebelumnya tidak mempunyai pertautan atau kesinambungan. Akibatnya, pembaca sasaran akan “hilang sekejap” untuk memahami warta yang ingin disampaikan. Bagaimanakah seorang jejaka dan gadis yang sedang menari atau berdansa tiba-tiba melakukan aksi menanam pasangannya ke dalam awan yang tinggi di langit biru? Terjemahan sebegini meskipun puitis tetapi menghambat kefahaman dan perkara ini perlu dielakkan. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Ainon Muhammad (2007), seseorang penterjemah puisi tidak boleh sesekali menterjemah bahasa yang hanya mementingkan ketepatan makna semata-mata kerana bahasa yang demikian ialah bahasa yang mati dan tidak berperibadi. Jika penterjemah

berhadapan dengan bahasa kiasan atau metafora, penterjemah boleh memilih tiga cara sama ada kiasan itu dikekalkan, digantikan atau diketepikan dan maksudnya yang sebenar diterangkan mengikut keperluan yang ditimbulkan dalam puisi tersebut. Dalam hal ini, pengkaji mengaplikasikan teknik adaptasi dan modulasi untuk menghasilkan makna yang boleh dipertanggungjawabkan. Oleh hal yang demikian, makna yang diberikan untuk klausa ini ialah

يَزْرَعُنِي فِي إِحْدَى الْعَيْمَاتِ

Membuatku terkedu seketika

Terjemahan ini meskipun tidak mengikut makna asalnya, iaitu “menanamku dalam salah satu awan” tetapi pemindahan makna asal kepada makna baharu ini tetap dibenarkan dalam Prinsip 3 Alexander Fraser Tytler selagi kesan terjemahannya dapat dirasakan seperti teks asal. Maksudnya, penerimaan atau respons pembaca teks sasaran hendaklah diutamakan kerana merekalah yang menjadi tujuan teks asal itu diterjemahkan. Oleh itu, amatlah wajar bait demi bait puisi ini dapat dihayati dengan baik dan lancar oleh pembaca sasaran tanpa ada sebarang sekatan. Menurut teknik modulasi, seseorang penterjemah boleh membuat keputusan sendiri dan memilih makna yang paling cocok dengan konteks terdekat walaupun terpaksa mengubah keseluruhan baris puisi. Melalui teknik ini akan wujud perubahan dari segi semantik tetapi isi maklumat dan jalan penceritaan puisi ini tidak berubah atau terjejas.

Data 4: al-Mataru al-Aswad (المطر الأسود)

Dalam Rangkap 1, Baris 5 ini, perkataan taksa yang ditemui oleh pengkaji ialah لمطر الأسود yang mempunyai makna siratan atau makna konotatif. Menurut terjemahan makna denotatif, frasa tersebut bermaksud *hujan hitam*. Penggunaan leksikal “hujan” boleh ditukar ganti dengan kata “gerimis” kerana kedua-duanya mendukung makna yang sama. Memandangkan teks ini berupa puisi, maka diksi (pemilihan kata yang tepat dan berkesan) amat dipentingkan dan pengkaji memutuskan untuk menggunakan kata “gerimis”. Frasa لمطر الأسود yang bermaksud *gerimis hitam* dalam Baris ini sebenarnya bermaksud air mata hitam. Kenapakah air mata yang bening dikatakan hitam? Jawapannya kerana air mata yang bening itu telah bercampur dengan celak yang ada pada bulu mata dan bahagian mata sehingga menyebabkan warnanya berubah menjadi hitam. Warna hitam pula menurut budaya masyarakat Arab merujuk kepada warna kesedihan dan selalu dipakai dalam majlis perkabungan dan kematian.

Dalam konteks lagu ini, si gadis yang selama ini mendambakan jejak idamannya untuk meluahkan kata-kata (Kalimat) cinta terhadapnya menjadi kenyataan. Detik yang ditunggu-tunggunya selama ini akhirnya tercapai juga dalam satu majlis tari-menari. Hatinya terkedu seketika mendengar ucapan dan bisikan tersebut sehingga tanpa disangka air mata mula menitis dari birai matanya. Air mata kegembiraan tanda syukur kerana doanya telah dimakbulkan Tuhan. Air mata tersebut terus mengalir laju sebagaimana yang diceritakan dalam Baris 6. Terjemahan penuh Baris 5 ini adalah seperti yang berikut:

وَالْمَطَرُ الْأَسْوَدُ فِي عَيْنِي

Gerimis hitam mula berkaca di mataku

Terjemahan ini meskipun tidak mengikut makna asalnya (makna denotatif) iaitu “Gerimis hitam di mataku” tetapi pemindahan makna asal kepada makna baharu masih lagi mempunyai pertalian kerana wujudnya karinah yang menghalang penggunaan makna asal itu. Dalam penganalisisan data ini, pengkaji telah menggunakan teknik adaptasi, iaitu membuat penambahan sekiranya hal itu mempunyai hubungan yang penting dengan makna asal dan dapat menjelaskan lagi hal yang dibicarakan. Dalam perkara penambahan ini, pengkaji telah menambah frasa “mula berkaca” bagi menyedapkan lagi terjemahan lirik lagu Kalimat ini dalam versi terjemahan bahasa Melayunya.

Data 5: Yadihi (يده)

Dalam Rangkap 2 ini, pengkaji telah menemui satu perkataan taksa pada Baris 3, iaitu perkataan يد yang bermaksud *tangan* menurut Kamus Bahasa Arab-Bahasa Melayu (2005). Ketaksaan merujuk kepada perkataan atau ayat yang mempunyai lebih daripada satu makna. Perkataan يد dalam lirik lagi “kalimat” ini tidak boleh sewenang-wenangnya diterjemahkan sebagai tangan tetapi boleh juga dikaitkan dengan perlakuan yang membabitkan tangan seperti memeluk, merangkul, menggenggam dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, terjemahan Baris 3 ini tidak diterjemahkan secara harfiah dengan makna denotatifnya seperti “Dan aku seperti bayi dalam tangannya”. Terjemahan yang baik bagi Baris ini ialah:

وَأَنَا كَالطِّفْلِ فِي يَدِهِ

Dan aku seperti bayi dalam pelukannya

Dalam erti kata lain, si gadis tidak membantah apa-apa perlakuan si jejaka seolah-olah dia merelakannya. Perkara ini disokong lagi oleh baris seterusnya, iaitu aku seperti bulu yang diterbangkan angin yang bermaksud si gadis tidak mempunyai kudrat untuk melakukan apa-apa selain merelakan sahaja.

Supaya pembaca sasaran dapat menghayati keindahan dan kesenian puisi atau lirik lagu “Kalimat” ini dengan mudah tanpa memperdulikan sama ada terdapat unsur ketaksaan ataupun tidak, maka pengkaji telah menterjemahkan lirik penuh lagu/puisi tersebut bagi mencapai objektif ketiga kajian ini.

	Teks Sumber	Teks Sasaran
Rangkap 1	<p>يُسمعي.. حينَ يراقصني كلماتٍ ليست كالكلمات ياخذني من تحتِ ذراعي يزرعني في إحدى الغيمات والمطرُ الأسودُ في عيني</p>	<p>Dia membisikkan sesuatu ketika dia menari bersamaku Perkataan yang tidak seperti perkataan Dia menarikku dalam dakapannya Membuatku terkedu seketika Gerimis hitam mula berkaca di mataku Mengalir dengan derasnya... dengan derasnya</p>

	يتساقط زخاتٍ .. زخات	
Rangkap 2	يحملني معه.. يحملني لمساءٍ وردِي الشرفات وأنا.. كالطفلة في يده كالريشة تحملها النسيمات	Dia membawaku bersamanya.. Membawaku sepetang di balkoni merah jambu Aku seperti bayi dalam pelukannya Seperti bulu yang ditiup angin
Rangkap 3	يحمل لي سبعة أقمار بيديه وحزمة أغنيات يهديني شمساً.. يهديني .. صيفاً.. وقطيع سنونوات	Dia membawakan daku tujuh kuntum bunga di tangannya Diiringi nyanyian lagu-lagu sentimental Dia memberikan daku kehangatan Serta kebahagiaan yang tiada taranya
Rangkap 4	يخبرني.. أني تحفته وأساوي آلاف النجمات و بأني كنتُ.. و بأني أجمل ما شاهدت من لوحات	Dia memberitahuku bahawa akulah anugerah buat dirinya Aku setanding dengan ribuan bintang Akulah khazanah.. Dan aku jualah potret terindah yang pernah dilihatnya
Rangkap 5	يروني أشياء تدوخني تنسيني المرقصَ والخطوات كلماتٍ تقلبُ تاريخي تجعلني امرأةً في لحظات	Dia menceritakan perkara yang membuatku pening Membuat aku terlupa akan langkah tariku Kata-kata yang telah mengubah sejarah hidupku Yang menjadikan daku wanita walaupun dalam sedetik
Rangkap 6	يبي لي قصراً من وهمٍ لا أسكنُ فيه سوى لحظات وأعودُ.. أعودُ لطاولتي لا شيءَ معي.. إلا كلمات	Dia ciptakan istana khayalan buatku Tidak aku huni di dalamnya melainkan sedetik Dan aku kembali ... kembali ke mejaku Tanpa ada apa-apa bersamaku .. melainkan kata-kata.

KESIMPULAN

Walaupun penterjemahan karya sastera seperti puisi sukar dibuat terjemahannya ke dalam bahasa sasaran kerana wujudnya unsur ketaksamaan sama ada dalam bentuk leksikal mahupun bahasa kiasan (figuratif) namun itu bukanlah alasan kuat untuk menjumudkan aktiviti penterjemahan karya-karya

sastera. Perihal ketaksaan atau kekaburan, kesangsian, keraguan, ketidakpastian akan makna-makna yang dibawa oleh sesuatu leksikal atau bahasa kiasan dalam puisi boleh diatasi dengan beberapa prinsip-prinsip terjemahan yang telah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh terjemahan. Perkataan, frasa, klausa dan ayat dalam puisi atau lirik lagu Arab “Kalimat” ini telah dianalisis menggunakan prinsip-prinsip Terjemahan Alexander Fraser Tytler dan hasil kajian mendapati pengkaji telah berjaya mengatasi masalah ketaksaan dalam lirik lagu tersebut.

BATASAN KAJIAN

Memandangkan Persidangan ICMAEL2022 ini menetapkan sepuluh muka surat sahaja, maka pengkaji tidak dapat menganalisis keseluruhan perkataan taksa dalam lirik lagu “Kalimat” ini dan hanya mempersembahkan lima data kajian sahaja yang diambil daripada Rangkap 1 dan Rangkap 2. Analisis penuh nanti akan ditulis untuk penerbitan jurnal.

RUJUKAN

- Abd. Rauf Dato’ Haji Hassan, Abdul Halim Salleh & Khairul Amin Mohd Zain. (2005). Kamus Bahasa Melayu-Arab, Bahasa Arab-Bahasa Melayu. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2005). Teori dan teknik terjemahan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Bahasa. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Al-Mawrid. (1988). Beirut: Dar Al-Ilm Lilmalain.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia. (2008). Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Suryawinata, Zuchridin & Sugeng Hariyanto. (2003). Translation: Bahasan teori dan penuntun praktis menerjemahkan. Yogyakarta: Kanisius.